

23/08/2002

Beri kerja kerana potensi, bukan simpati

SHAH ALAM, Khamis - Pengambilan orang kurang upaya untuk bekerja di sektor awam dan swasta, tidak harus dibuat atas dasar simpati serta bagi memenuhi tanggungjawab sosial semata-mata, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka tidak mengharapkan simpati orang lain. Mereka mengharapkan peluang supaya dapat hidup berdikari.

"Saya harap semua pihak akan lebih memahami potensi mereka dan bersedia membuka ruang atau peluang kepada mereka untuk bekerja," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Kebangsaan di Intekma Resort di sini, petang ini.

Persidangan empat hari itu yang akan berakhir esok, dihadiri 200 orang kurang upaya dari seluruh negara. Ia dianjurkan Pusat Hal Ehwal Kebajikan Orang Kurang Upaya Malaysia (DRC) dan Persatuan Kebangsaan Orang Kurang Upaya.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad dan Presiden Persatuan Kebangsaan Orang Kurang Upaya, Dr Wan Ahmad Wan Omar.

Dr Mahathir berkata, walaupun jumlah orang kurang upaya di negara ini kecil berbanding keseluruhan penduduk, kerajaan tidak ingin melihat mereka dipinggirkan, dieksploitasi atau diskriminasi.

Kerajaan, katanya, akan terus membela mereka dengan mengatur dan melaksanakan program perkhidmatan yang lebih berkesan untuk faedah golongan terbabit.

Beliau berkata, kerajaan memang komited terhadap kebajikan, kemajuan dan pembangunan golongan kurang upaya dan telah menggubal serta melaksanakan pelbagai dasar dan program untuk membolehkan mereka menikmati kesejahteraan hidup yang lebih sempurna.

"Antara usaha yang dibuat kerajaan untuk meningkatkan status golongan itu ialah mendaftar mereka yang mana setakat ini 105,300 OKU telah didaftarkan.

"Ia bertujuan mengenal pasti bilangan sebenar orang kurang upaya di negara ini serta taburan mereka, jenis ketidakupayaan dan umur. Bancian ini dapat membantu kerajaan membuat perancangan dari segi perkhidmatan serta program pemulihan, latihan, rawatan dan penyediaan kemudahan sokongan untuk golongan terbabit," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan turut menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk golongan itu melalui agensinya, termasuk program intervensi awal serta kemudahan rawatan yang disediakan Kementerian Kesihatan dan bantuan modal menerusi Skim Geran Pelancaran bagi memulakan perniagaan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Kementerian Pendidikan, katanya, menyediakan peluang pendidikan dan vokasional manakala Kementerian Sumber Manusia menyediakan peluang pekerjaan serta berusaha untuk mengintegrasikan golongan berkenaan dalam masyarakat.

"Kementerian Kewangan pula terus memberikan insentif dari segi percukaian, manakala Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan garis panduan bagi pemaju bangunan baru supaya meningkatkan kemudahan bagi golongan itu," katanya.

Kesungguhan serta komitmen tinggi kerajaan, kata beliau, telah diperkukuhkan lagi dengan penerimaan Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi Orang Kurang Upaya Rantau Asia dan Pasifik yang

ditandatangani pada 16 Mei 1994 di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan bahawa kerajaan tidak dapat menyediakan semua kemudahan atau memenuhi kehendak golongan itu kerana sumber kewangannya terhad dan pihak lain juga memerlukan peruntukan.